

Hutan digondol sehingga menyebabkan bilangan pokok berkurangan untuk serap air Punca Sungai Pahang jadi cetek

Oleh AHMAD ZAINUL ARIFFIN dan
AHMAD ZAKWAN KHIDZIR

KUALA LUMPUR – Aktiviti pembalakan haram menjadi punca utama yang menyebabkan Sungai Pahang di Temerloh, Pahang menjadi semakin kering sehingga ke paras buku lali.

Pensyarah Fakulti Pengajian Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohd. Yusoff Ishak berkata, pembalakan haram yang tidak terkawal menyebabkan bilangan hutan atau pokok untuk menyerap air ketika hujan berkurangan sekali gus menjadikan paras air sungai itu tidak stabil.

Menurutnya, hutan di sekitar air sungai itu berfungsi sebagai span yang menyerap air hujan sebelum melepaskannya ke dalam sungai selain bertindak sebagai kawasan tadahan air.

“Pembalakan tidak terkawal itu merupakan punca utama sungai semakin kering kerana bila tiada hutan untuk menyerap air hujan, air akan mengalir ke dalam sungai.

“Keadaan itu menyebabkan tiada air dilepaskan secara berperingkat-peringkat ke dalam sungai sehingga menyebabkan sungai berkenaan menjadi kering,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Kosmo! semalam melaporkan Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (Peka), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, sungai itu yang pada kebiasaannya berkedalaman lebih dua meter mulai cetek dan kering sejak lebih seminggu lalu.

Mohd. Yusoff berkata, sepatutnya tebing-tebing sungai mempunyai kawasan takungan air yang bergantung kepada pokok-pokok.

Menurutnya, pembalakan haram tidak mengambil berat tentang alam sekitar



KEWUJUDAN beting pasir membuktikan paras air di Sungai Pahang semakin cetek sehingga ke paras buku lali di Temerloh semalam.



AHMAD ISMAIL



MOHD. YUSOFF



KERATAN *Kosmo!* semalam.

menyebabkan mereka dengan rakusnya meratakan hutan-hutan itu tanpa memikirkan akibatnya.

Beliau berkata, jika tiada tindakan segera diambil untuk memulihkan semula sungai tersebut, ia akan merugikan negeri Pahang sendiri dalam jangka masa panjang.

Jelasnya, apabila tiada pokok untuk menampung air, hujan akan turut membawa tanah mengalir ke dalam sungai sekali gus menyebabkan air keruh dan boleh membuatkan ikan patin pupus.

Sementara itu, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan Perikanan didesak

supaya bersikap lebih proaktif dalam menjaga kebajikan penternak ikan dalam sangkar dan juga nelayan sungai secara umum.

Ketua Jabatan Biologi dari Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Ahmad Ismail berkata, semua pengusaha ikan dalam sangkar, nelayan sungai dan NGO perlu bekerjasama dalam mengingatkan semua pihak untuk mengambil tindakan sewajarnya melindungi sungai berkenaan.

“Sekiranya pembukaan tanah di kawasan hulu sungai berterusan, sungai tersebut akan terus cetek dan seterusnya kes banjir akan berlaku lagi,” katanya.

Bekalan air di Kedah mencukupi

ALOR SETAR – Penduduk di negeri ini dijangka tidak akan berhadapan dengan krisis bekalan air dalam tempoh terdekat ekoran paras air di beberapa empangan utama berada pada tahap selesa dan memuaskan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga, Badan-Badan Bukan Kerajaan negeri, Datuk Badrol Hisham Hashim, berkata, paras air di empat empangan utama iaitu Empangan Pedu, Empangan Ahning, Empangan Muda dan Empangan Beris ketika ini dilihat mencukupi untuk menampung keperluan domestik dan pertanian untuk tempoh beberapa bulan lagi.

“Bacaan terkini menunjukkan paras air di keempat-empat empangan tersebut masih stabil dan terkawal,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran Majlis Bandaraya Alor Setar di sini semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, Badrol Hisham memberitahu, masalah tekanan air rendah yang sering dialami penduduk di daerah Pokok Sena sejak beberapa tahun lalu dijangka dapat diatasi melalui pembinaan sebuah loji air baharu di Sungai Santapo, Jabi di sini.

Menurutnya, projek bernilai lebih RM50 juta itu dijangka dimulakan dalam tempoh terdekat.



BADROL HISHAM